



Received: 2021-08-30

Accepted: 2021-11-30

Published: 2021-12-29

Original Article**Analisis Agihan Zakat oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor*****Analysis of Zakat Distribution by Amil Assistants of Higher Education Institutions in Selangor*****Mohammad Noorazlan Md Ismail^{a*} & Nor Aini Ali^b**^a Calon Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.^b PhD, Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.^{*} Corresponding author, email; ima170026@siswa.edu.my**ABSTRACT**

Lembaga Zakat Selangor (LZS) is the first Zakat institution to appoint institutions of higher education (IPT) as Amil assistants since 1998. This appointment enables students to receive Zakat assistance to cover part of their cost of study. Accordingly, this study discusses in detail the implementation of zakat distribution to students by the amil assistants of IPT. In this study, both documentation methods and interviews are used to collect research data. Two IPTs were selected as the sample for the study, namely Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Putra Malaysia (UPM). Then, the data were analyzed using content and thematic analysis methods. The results of the study show that zakat assistance was distributed by both IPTs to five categories of asnaf, namely fakir, miskin, fī sabīlillāh, mualaf and ibn sabīl. Zakat assistance is distributed in various forms, namely, financial assistance, assistance in equipment or study materials and development programs for asnaf. It has been shown that these aids can facilitate students' study process and further increase their active participation in the university life. Future research proposals may explore the effectiveness of student support programs in aspects of academic performance, financial stability and engagement with the college.

Keywords: zakat assistance; students; higher education institutions; amil assistant**Pengenalan**

Pengajian tinggi pada masa kini memerlukan kos yang tinggi dan sumber kewangan yang stabil. Kos yuran pengajian dan sara hidup yang tinggi memberi kesan terhadap fokus pelajar untuk meneruskan pengajian. Antara isu yang berlegar adalah terdapat pelajar mengambil keputusan untuk menangguhkan semester pengajian semasa mereka demi mengumpul wang

bagi membayar yuran semester berikutnya. Lebih teruk lagi apabila pelajar terpaksa mengambil keputusan untuk memberhentikan pengajian mereka ekoran masalah kewangan yang dihadapi.¹ Terdapat juga pelajar yang menjalankan pekerjaan sambilan semata-mata untuk mendapatkan kewangan yang lebih bagi menampung perbelanjaan keperluan mereka sepanjang pengajian.² Sudah pasti fokus mereka terhadap pelajaran akan terganggu apabila masa dan tenaga yang sepatutnya dihabiskan untuk aktiviti akademik digunakan untuk bekerja.³

Institusi zakat memainkan peranan besar dalam membantu kewangan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Pelbagai bentuk bantuan pendidikan diwujudkan dengan menawarkan biasiswa, pinjaman pelajaran, bantuan kewangan tambahan menggunakan dana zakat. Bukan itu sahaja, pelantikan institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai penolong amil diamalkan oleh beberapa institusi zakat bertujuan untuk mengurangkan birokrasi permohonan bantuan zakat oleh pelajar.⁴ Penolong amil IPT merupakan antara ejen rasmi kutipan zakat yang dilantik oleh institusi zakat.⁵ Di Selangor, pelantikan IPT sebagai penolong amil mula dilaksanakan semenjak tahun 1998 di mana Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan IPT pertama yang telah dilantik oleh LZS.⁶ Lantikan oleh LZS tersebut memberi keizinan untuk IPT menguruskan kutipan dan agihan zakat secara profesional. Kini, sebanyak 15 buah IPT telah dilantik menjadi penolong amil.

Artikel ini membincangkan pelaksanaan agihan bantuan zakat kepada pelajar oleh dua institusi berbeza selaku penolong amil IPT iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Hasilnya menunjukkan bantuan zakat yang disalurkan oleh IPT kepada asnaf yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, artikel ini turut mencadangkan untuk mengkaji impak sebenar bantuan zakat tersebut terhadap pelajar sepanjang pengajian mereka dengan bantuan yang telah diterima.

Sorotan Literatur

Kajian Muhammad Rizal et al.⁷ mendapati bahawa agihan zakat pendidikan adalah penting untuk meningkatkan kecemerlangan mental, fizikal dan rohani pelajar, terutamanya mereka yang telah dikategorikan sebagai asnaf. Agihan zakat ini memainkan peranan kelas pertama

¹ "Financial struggles at university," laman sesawang New Straits Times, diakses pada 7 Jun 2021, <https://www.nst.com.my/education/2019/09/524435/financial-struggles-university>.

² "When students work," laman sesawang New Straits Times, diakses pada 7 Jun 2021, <https://www.nst.com.my/education/2018/10/419737/when-students-work>; "Nine out of 10 Malaysian students work while studying: HSBC survey," laman sesawang The Star, diakses pada 7 Jun 2020, <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2018/08/27/nine-out-of-10-malaysian-students-work-while-studying-hsbc-survey>.

³ Alexander W. Astin, "Student Involvement: A Developmental Theory For Higher Education", *Journal of College Student Personnel* 25, no. 4 (1984), 297-308.

⁴ Rosliza@Rosli Mahmud et al., "Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia," *Jurnal Muamalat* 7 (2014), 133-164.

⁵ Muhsin Nor Paizin dan Suhaili Sarif, "Kemudahan Pembayaran Zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan dan Selangor," *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 10 (2016), 66-76.

⁶ "Introduction," laman sesawang Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf (PZWS), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), diakses pada 10 Mac 2021. <https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/zakat-centre/introduction>.

⁷ Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad, "Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 10, no. 1 (2017), 51-72.

dalam memastikan pendidikan asnaf terjamin dengan mengambil pelbagai inisiatif dan pendekatan dalam menawarkan skim bantuan pendidikan yang pelbagai.⁸ Terdapat pelbagai bentuk dan skim bantuan ditawarkan khusus kepada pelajar IPT seperti bantuan atau dermasiswa pendaftaran pengajian IPT, pembiayaan pinjaman atau biasiswa IPT, bantuan tesis penyelidikan serta bantuan tambang ke IPT.⁹

Dalam kajian Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor mendapati bantuan zakat yang diterima daripada institusi zakat dapat membantu meringankan beban kewangan mereka selain bermotivasi tinggi untuk menghabiskan pengajian mereka. Melihat kepada aspek-aspek *daruriyyat* dan *hajiyat*, pola perbelanjaan mereka menjadi satu keutamaan berbanding *tahsiniyyat*.¹⁰ Aspek keperluan sara hidup dan akademik perlu dititikberatkan sebagai syarat bagi penerima agihan zakat ini. Namun begitu, keperluan pelajar berbeza mengikut jenis-jenis kursus mereka sama ada melibatkan kos yang tinggi atau rendah dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Sebagai contoh, bidang pengajian seni bina dan perancang ukur melibatkan pembelajaran dan tugas luar kampus berbanding bidang lain.¹¹ Meski pun begitu, kajian oleh Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman dan Hairunnizam Wahid mendapati bahawa perbelanjaan keperluan makanan dan bukan makanan bagi pelajar aliran sains tulen dan sains sosial tidak berbeza sama sekali.¹²

Penolong amil IPT turut memainkan peranan penting dalam membantu pelajar daripada sudut kewangan dan pembangunan mereka. Kajian oleh Muhammad Tajuddin Abdul Rahim dan Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman¹³ dan Razali Othman¹⁴ melihat kepada pengalaman UKM dan UPM dalam pengurusan bantuan zakat kepada asnaf pelajar mereka. Pelbagai jenis skim bantuan telah disediakan oleh Unit Zakat IPT untuk disalurkan antaranya bantuan kewangan, penyediaan kemudahan, peralatan atau infrastruktur serta melalui program pembangunan asnaf. Kelebihan mendapat bantuan zakat daripada pihak IPT adalah pelajar dapat melakukan sesuatu perkara yang bermanfaat, bertahan dalam kehidupan dan pengajian di universiti,

⁸ Azman Ab Rahman, "Peranan Baitulmal dalam Pendidikan Asnaf: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 11, no. 1 (2018), 45-58.

⁹ Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, "Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia," (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, 2014).

¹⁰ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, "Pola Perbelanjaan dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi: Kajian di Kuala Terengganu, Terengganu," dalam *Pengurusan Zakat di Malaysia Isu dan Cabaran*, ed. Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 12-29.

¹¹ Baharudin Sayin, Hanafi Hamdani dan Lufti Fauzi Sabari, "Kaedah Penentuan Pengagihan Zakat Dalam Memenuhi Keperluan Asnaf Pelajar: Satu Sorotan Pengalaman Universiti Teknologi MARA (UiTM)," (makalah, Kaedah Penentuan Pengagihan Zakat, Dewan Muktamar Masjid UiTM, Disember 2017).

¹² Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman dan Hairunnizam Wahid, "Pola Perbelanjaan dan Haadul Kifayah bagi Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia," *Jurnal Personalia Pelajar* 18, no. 2 (2015), 33-44.

¹³ Muhammad Tajuddin Abdul Rahim dan Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, "Pengurusan Zakat Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman Unit Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia", dalam *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, ed. Hairunnizam Wahid et al., (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 11-21.

¹⁴ Razali Othman, "Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Baharu di WAZAN, UPM," *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 113-122.

membayar yuran pengajian, membeli makanan dan minuman, buku serta peralatan pembelajaran.¹⁵

Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai bentuk skim dan bantuan pelajaran kepada asnaf telah disalurkan kepada pelajar IPT. Tetapi permasalahan lain yang timbul adalah seperti golongan asnaf tidak didedahkan dan dimaklumkan tentang tatacara dan kelayakan permohonan bantuan zakat tersebut yang menyebabkan hanya segelintir sahaja yang mendapat manfaat daripada skim dan bantuan tersebut.¹⁶ Isu lain pula adalah berkenaan kecukupan kewangan bagi pelajar yang menerima pembiayaan daripada PTPTN perlu dilihat lebih mendalam. Hal ini dibuktikan di mana mereka masih memerlukan bantuan pendidikan bagi memenuhi keperluan pengajian mereka.¹⁷ Bukan itu sahaja, agihan zakat kepada asnaf pelajar adalah tidak wajar meletakkan syarat pendapatan ibu bapa dalam kelayakan penerima zakat sekaligus memberi status sebagai asnaf fakir miskin. Hal ini kerana pelajar IPT sudah terlepas daripada tanggungjawab ibubapa dan mereka disifatkan sebagai *maskanah*. Pengkategorian ini dilihat lebih menjamin hak mereka sebagai asnaf pelajar dan memerlukan bantuan untuk menampung kos pengajian mereka.¹⁸

Daripada aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan agihan zakat, Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman mencadangkan agar promosi berkaitan bentuk-bentuk agihan zakat serta syarat permohonan yang jelas diperluaskan lagi agar asnaf pelajar yang benar-benar berminat dan layak turut memohon.¹⁹ Seterusnya, penggunaan laman web bagi permohonan zakat, penubuhan skuad jejak asnaf dan program usahasama bersama organisasi dan jabatan lain. Penambahbaikan dalam proses agihan ini amat penting bagi memastikan tujuan utama agihan zakat pendidikan tercapai.²⁰

Sorotan literatur yang dilakukan ini mendedahkan pelaksanaan bantuan zakat oleh unit zakat IPT. Setiap IPT mempunyai justifikasi dan kaedah tersendiri terhadap penyaluran dana zakat kepada asnaf pelajar. Artikel ini cuba menganalisis amalan agihan bantuan zakat kepada asnaf pelajar oleh penolong amil IPT.

¹⁵ Nasrul Hisyam Nor Muhammad et al., "Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8, no. 9 (2018), 138–149.

¹⁶ Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar, "Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji*, (2011), 131-147.

¹⁷ Aza Shahnaz Azman et al., "Agihan Zakat Pendidikan: Tinjauan di Pahang," (makalah, World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015) Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9-10 Disember 2015), 199-206.

¹⁸ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Mahadi Mohammad dan Daud Ismail, "Pensyaratkan Had Kifayah Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Pelajar di bawah Asnaf Fakir Miskin: Satu Penilaian," dalam *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat*, ed. Razali Md Jani dan Muhsin Nor Paizin (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat, 2016), 263-273.

¹⁹ Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman. "Hubungan antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf," dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman, Mohammad Taqiuddin Mohamad (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015), 6-14.

²⁰ Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Azman Abdul Rahman, "Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP)", *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 17, no. 2 (2019), 141-173.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan data dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi dan kaedah lapangan. Kaedah dokumentasi digunakan untuk meneroka maklumat yang berkaitan bantuan zakat Pendidikan oleh penolong amil IPT. Buku, artikel jurnal, laporan dan laman web rasmi juga diperoleh sebagai antara sumber data kajian. Kaedah temu bual pula dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pihak berkepentingan yang terlibat dengan pengurusan berkaitan penolong amil IPT. Persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenal pasti dan memilih informan bagi kajian ini berdasarkan skop penyelidikan. Dalam strategi pengambilan sampel bertujuan, informan dan lokasi dipilih untuk kajian ini kerana beranggapan bahawa informan yang dipilih dapat menyumbangkan pemahaman tentang masalah yang ingin dikaji.²¹ Oleh kerana kajian ini tertumpu kepada penolong amil IPT di Selangor, dua institusi telah dipilih menjadi sampel kajian.

Pengkaji memilih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai sampel kajian kerana kedua-dua institusi ini merupakan penolong amil IPT lantikan LZS. Sampel kajian dipilih berdasarkan kepada dua merit yang diletakkan iaitu mempunyai kutipan tertinggi dan operasi pengurusan zakat yang cemerlang. Jadi, UKM dipilih berdasarkan jumlah kutipan zakat yang tertinggi manakala UPM dipilih sebagai operasi pengurusan zakat terbaik. UPM telah dinobatkan sebagai Anugerah Penolong Amil IPT Terbaik oleh LZS bagi tahun 2017 dan 2018. Data dan maklumat yang diperolehi daripada dua unit zakat ini adalah meliputi kadar agihan zakat, skim dan bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf termasuklah asnaf fakir dan miskin, mualaf, fisabilillah dan ibnu sabil berdasarkan maklumat yang dipaparkan di laman sesawang rasmi serta laman media sosial “Facebook” rasmi mereka.

Temu bual separa struktur dipilih sebagai sumber utama data kajian. Temu bual dilakukan secara bersemuka bersama wakil informan daripada UKM dan UPM. Para informan dipilih berdasarkan kesesuaian dan capaian mereka terhadap dasar dan pengurusan bantuan zakat IPT masing-masing serta mampu untuk memberikan penerangan dan pemahaman mendalam mengenai topik kajian daripada perspektif pemberi maklumat.²² Oleh itu, maklumat pelaksanaan dan agihan bantuan zakat oleh penolong amil IPT di Selangor telah diperoleh. Semasa sesi temu bual dijalankan, perakam audio digunakan untuk merakam data kemudian ditranskripsikan secara verbatim dalam bahasa lisan (Bahasa Melayu) untuk mengekalkan keaslian. Transkrip temu bual kemudian dikembalikan kepada responden untuk pengesahan. Selepas itu, setiap transkrip temu bual dengan maklum balas responden dianalisis menggunakan analisis tematik.

Dapatan Kajian

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilantik menjadi penolong amil IPT pada tahun 2005. Lantaran itu, Bahagian Zakat Jabatan Bendahari ditubuhkan hasil dari perjanjian persefahaman antara UKM dengan LZS. Rentetan kepada perkembangan, jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal zakat di IPT telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat UKM (TAZUKM) merupakan jawatankuasa induk sebagai pembuat polisi

²¹ John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 3th ed. (Washington DC: Sage Publication, 2016), 125.

²² Sharan B. Merriam, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (San Francisco: CA. Jossey-Bass, 1998).

dan Jawatankuasa Agihan Zakat UKM (JAZUKM) sebagai jawatankuasa pelaksana operasi agihan zakat.²³

Jadual 1: Jumlah Agihan Zakat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
bagi Tahun 2018 hingga 2020

Bil	Asnaf	Agihan Zakat (RM)		
		2018	2019	2020
1	Fakir	1,059,131.45	981,766.30	924,920.00
2	Miskin	2,277,646.79	2,102,379.93	1,657,135.47
3	Fisabilillah	2,763,510.50	2,396,273.44	2,140,459.41
4	Mualaf	16,709.60	24,876.81	24,030.00
5	Ibnu Sabil (Bukan Warganegara)	309,770.25	280,008.77	118,909.00
Jumlah		6,426,768.59	5,785,305.26	5,092,458.96

Sumber: Laporan Lengkap Kutipan dan Agihan Zakat UKM²⁴

Jadual 1 menunjukkan agihan zakat yang telah dilakukan oleh Unit Zakat UKM telah melibatkan agihan melebihi RM16 juta bagi tempoh tiga tahun berikut. Kategori asnaf *fī sabīlillāh* mencatatkan peruntukan tertinggi saban tahun diikuti asnaf miskin dan fakir. Ketiganya ini merupakan penerima utama agihan zakat di peringkat UKM. Asnaf mualaf kekal sebagai penerima terkecil ekoran kepada bilangan mereka yang sangat sedikit meski menerima bantuan zakat secara bulanan.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) mula dilantik menjadi penolong amil IPT pada tahun 2002. Sejak pelantikan tersebut, WAZAN telah diberikan kebenaran untuk mengutip dan mengagihkan zakat dalam kalangan warga universiti mereka. Hasil daripada kutipan tersebut, LZS akan mengembalikan sebanyak 43.75% daripada jumlah bayaran zakat oleh pembayar untuk diagihkan semula kepada lima golongan asnaf di UPM seperti disebutkan sebelum ini. Sementara 6.25% lagi akan diserahkan kepada WAZAN sebagai upah penolong amil atas tanggungjawab dan amanah mereka menguruskan hal ehwal zakat di UPM berkaitan kutipan dan agihan zakat. Kini, pengurusan zakat mereka diletakkan dibawah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM secara rasmi selepas ditubuhkan pada tahun 2016.²⁵ Pengurusan WAZAN diletakkan terus di bawah Pejabat Naib Canselor, UPM.

²³ "Latar Belakang," laman sesawang Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia, diakses pada 7 Jun 2021, <http://www.ukm.my/zakat/info/latar-belakang>.

²⁴ "Laporan Lengkap Kutipan dan Agihan Zakat UKM," laman sesawang Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia, dicapai pada 14 November 2021, http://www.ukm.my/zakat/Latest_News/laporan-lengkap-kutipan-dan-agihan-zakat-ukm-januari-2017-sehingga-september-2017.

²⁵ Razali Othman, "Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan baharu di WAZAN UPM", *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 15.

Jadual 2: Jumlah Agihan Zakat di Universiti Putra Malaysia (UPM)
bagi Tahun 2018 hingga 2020

Bil	Asnaf	Agihan Zakat (RM)		
		2018	2019	2020
1	Fakir	801,876.00	902,454.00	858,636.28
2	Miskin	1,173,531.00	1,534,429.00	928,300.61
3	Fisabilillah	995,045.20	1,576,715.79	795,282.65
4	Mualaf	19,500	16,700.00	18,900.00
5	Ibnu Sabil (Bukan Warganegara)	23,200	32,200.00	21,000.00
Jumlah		3,013,152.20	4,062,498.79	2,622,119.54
Pelajar yang menerima manfaat		3,962	4,552	2,596

Sumber: Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen WAZAN Universiti Putra Malaysia²⁶

Jadual 2 pula menunjukkan jumlah peruntukan agihan zakat di UPM bagi tiga tahun iaitu 2018, 2019 dan 2020. Asnaf fakir, miskin dan *fī sabīlillāh* dilihat menjadi keutamaan di mana kategori asnaf ini menerima peruntukan paling banyak iaitu berjumlah RM3,013,152.20 (2018) RM4,062,498.79 (2019) dan RM2,622,119.54 (2020). Ini menunjukkan bahawa berlaku peningkatan lebih RM1 juta peruntukan bagi tahun 2018 dan 2019 kepada tiga asnaf tersebut serta penambahan 590 penerima namun berlaku penurunan pada tahun 2020. Seterusnya, peruntukan kepada asnaf *ibn sabīl* dan mualaf dilihat tidak memerlukan peruntukan yang terlalu tinggi. Jumlah agihan zakat dilihat semakin meningkat saban tahun dengan melibatkan bilangan penerima yang menerima manfaat lebih ramai dan sebaliknya apabila penurunan jumlah agihan melibatkan manfaat yang diterima pelajar tidak ramai.

Bentuk agihan kepada pelajar yang efektif akan dapat membantu mereka menggunakan bantuan yang ada sebaik mungkin. Dalam melihat kepada aspek bentuk dan skim agihan yang diaplikasi di peringkat IPT, hal ini bergantung kepada fokus utama dan inovasi unit zakat IPT untuk mengagihkannya. Pakej agihan zakat yang dilaksanakan oleh penolong amil IPT mengikut kelulusan Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat masing-masing. Amaun agihan berdasarkan kepada pakej tersebut digunakan oleh TAZ masing-masing sebagai panduan dalam memudahkan proses agihan kepada asnaf pelajar. Agihan-agihan tersebut merangkumi kepada keperluan sara hidup pelajar, yuran pengajian dan bantuan kewangan lain-lain serta program pembangunan asnaf.

²⁶ Razali Othman, "Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan baharu di WAZAN UPM", *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 13-22.

Rajah 1: Bentuk Agihan Zakat oleh Tabung Amanah Zakat IPT



Sumber: Temu bual bersama pegawai zakat UKM²⁷ dan UPM²⁸

Inisiatif agihan zakat yang dilakukan oleh TAZ berpandukan kepada bentuk agihan berupa bantuan kewangan secara langsung seperti bantuan sara hidup, yuran pengajian dan lain-lain bantuan kewangan serta skim bantuan yang berbentuk pembangunan asnaf pelajar.

Bantuan sara hidup dan yuran pengajian merupakan antara bantuan utama disalurkan kepada asnaf pelajar. Bantuan sara hidup diberikan kepada asnaf pelajar yang mempunyai masalah ketidakcukupan wang dalam memenuhi keperluan asasi sepanjang pengajian mereka. Yuran pengajian merupakan kos pengajian yang menjadi pertimbangan para pelajar sepanjang pengajian mereka. Pembayaran yuran pengajian membentarkan pelajar untuk belajar di institusi tersebut dan menamatkan pengajian.

Jadual 3: Kadar Bantuan Pelajaran Bagi Yuran dan Sara Hidup Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM)

Bil	Asnaf	Kadar Bantuan Maksimum (RM)				
		UKM			UPM	
		Asasi	Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah	Semua Peringkat Pengajian
1	Fakir	1,400	2,000	2,300	2,500	1,000
2	Miskin	1,150	1,700	2,000	2,200	900
3	Fisabilillah	750	1,100	1,200	1,300	700
4	Mualaf	-	1,800	1,800	1,800	1,800
5	Ibnu Sabil (Bukan Warganegara)	-	600	600	600	-

Sumber: Zakat UKM²⁹ dan WAZAN, UPM³⁰

Jadual 3 pula menunjukkan kadar bantuan sara hidup dan yuran pengajian yang ditawarkan oleh unit zakat UKM dan UPM kepada pelajar yang memohon bantuan zakat. Tawaran bantuan kewangan zakat ini dilaksanakan mengikut semester pengajian bagi membiayai sara hidup dan yuran pengajian. Bagi pelajar UKM, pelajar peringkat Sarjana Muda, mereka yang datang

²⁷ Informan A (Pegawai Zakat UKM), dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Disember 2019.

²⁸ Informan B (Pegawai Zakat UPM), dalam temu bual dengan pengkaji, 11 Februari 2020.

²⁹ "Kadar Bantuan Pelajaran Universiti (Yuran dan Sara Hidup)", laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dicapai pada 12 Jun 2020, <http://www.ukm.my/zakat/agihan/kadar-bantuan>.

³⁰ Informan B (Pegawai Zakat UPM), dalam temu bual dengan pengkaji, 11 Februari 2020.

dari pada keluarga fakir dan miskin akan menerima RM2,000 dan RM 1,700 jumlah maksimum pada setiap semester pengajian. Bantuan tersebut bagi membiayai kedua-dua keperluan iaitu sara hidup dan yuran pengajian. Bantuan kewangan kepada mualaf pula disalurkan secara bulanan iaitu sebanyak RM300 dan diperbaharui setiap semester pengajian. Bantuan kepada asnaf ibnu sabil yang dikhususkan kepada pelajar antarabangsa menerima jumlah maksimum RM600 bagi satu-satu semester. Bantuan kepada asnaf ini memfokuskan kepada bantuan tiket kapal terbang sehala dan kewangan kecemasan. Manakala bagi UPM, kadar maksimum telah ditetapkan dan tidak berdasarkan tahap pengajian. Asnaf fakir akan menerima bantuan maksimum sebanyak RM1,000 diikuti asnaf miskin dengan jumlah bantuan RM900. Bagi asnaf fisabilillah, bantuan yang ditetapkan adalah RM700 dan asnaf mualaf menerima bantuan secara bulanan sebanyak RM300.

Agihan bantuan kewangan lain adalah merupakan bantuan kewangan yang disalurkan secara langsung oleh UKM dan UPM kepada pemohon selain daripada bantuan sara hidup dan yuran pengajian. Meski pun pelajar telah menerima bantuan yuran pengajian dan sara hidup, mereka masih juga boleh menerima bantuan-bantuan lain seperti disenaraikan mengikut kepada keperluan dan kelayakan permohonan. Antara bantuan-bantuan kewangan yang lain adalah bantuan yuran tertunggak, bantuan kecemasan, bantuan sewa rumah, bantuan kursus atau latihan, bantuan keperluan pendidikan, bantuan rawatan dan alatan perubatan serta insentif kecemerlangan.³¹

Jadual 4: Skim Bantuan Kewangan Lain-lain di Tabung Amanah Zakat UKM dan WAZAN UPM

Skim Bantuan	Butiran
Skim Insentif Kecemerlangan	Bantuan ini sebagai penghargaan atas kecemerlangan pelajar dalam pengajian akademik. Bantuan ini bertujuan membudayakan persaingan sihat di antara para pelajar bagi mencapai kejayaan dalam akademik serta menggalakkan untuk terus berusaha dalam meraih kecemerlangan dalam pembelajaran. Bantuan tersebut akan diagihkan secara automatik kepada pelajar yang mencapai keputusan peperiksaan 3.67 dan ke atas. ³²
Bantuan Keperluan Pendidikan	Bantuan ini disalurkan bertujuan untuk membantu pelajar dalam menyediakan kelengkapan asas pengajian mereka. Ini dapat memastikan tidak berlaku keciciran pelajar dalam pengajian disebabkan oleh masalah ketiadaan kemudahan peralatan bagi mengikuti pengajian mereka. ³³
Bantuan Rawatan dan Alatan	Bantuan ini dirangka bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan tambahan bagi rawatan perubatan yang diperlukan. Siasatan menyeluruh akan dijalankan dengan membuat rujukan silang bersama bahagian

³¹ Razali Othman, "Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Baharu di WAZAN, UPM," *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 113-22; "Jenis Bantuan Zakat UKM", laman sesawang Zakat UKM, diakses pada 24 Mac 2021, <https://www.ukm.my/zakat/agihan/jenis-bantuan>.

³² "Bantuan Insentif Kecemerlangan (PrasiswaZah) PNGK 3.67 ke atas," laman rasmi Facebook Tabung Amanah Zakat UKM, 5 Mac 2021, <https://www.facebook.com/TabungAmanahZakatUKM/posts/4312321968831983>

³³ "Bantuan Khas Asnaf (Komputer Riba Kepada Pelajar Warga UKM)", laman rasmi Facebook Tabung Amanah Zakat UKM, 5 Mac 2021, <https://www.facebook.com/TabungAmanahZakatUKM/photos/3951918378205679>

Skim Bantuan	Butiran
Perubatan	kesihatan pelajar dan bahagian hal ehwal pelajar untuk kelulusan bantuan. ³⁴
Bantuan Musibah	Bantuan musibah disalurkan kepada mereka yang terlibat dengan sebarang bentuk bencana seperti kebakaran, ribut, banjir, kemalangan dan lain-lain yang mengakibatkan kerugian dan kerosakan kediaman atau harta benda. ³⁵
Bantuan Kecemasan	Bantuan kecemasan disalurkan secara tunai dan diagihkan secara terus berdasarkan kepada kesesuaian kes yang dilaporkan oleh pemohon. ³⁶

Seterusnya, bantuan zakat yang berbentuk pembangunan asnaf menjadi sasaran baru penolong amil IPT. Hal ini kerana mereka perlu memperuntukkan satu amaun khas bagi melaksanakan program-program berkaitan pembangunan pelajar. Agihan zakat bagi program pembangunan adalah melibatkan bantuan yang disalurkan kepada asnaf adalah berbentuk program kemahiran atau pemantapan kendiri pelajar itu sendiri. Agihan ini berbeza dengan bantuan zakat yang lain yang lebih bersifat memenuhi keperluan kewangan dan peralatan pengajian asnaf pelajar.

Jadual 5: Program Pembangunan Asnaf di Tabung Amanah Zakat UKM dan WAZAN UPM

Program	Butiran
Program Pemerkasaan Mahasiswa	Menawarkan tajaan kepada fakulti untuk merangka program memperkasa pelajar. Terdapat beberapa syarat dan garis panduan yang ditetapkan agar selari dengan matlamat utama agihan zakat. Ini kerana pihak fakulti lebih mengenali keperluan pelajar mereka dalam merancang untuk meningkatkan perkembangan pelajar. ³⁷
Geran Penyelidikan	Mewujudkan geran penyelidikan yang berkaitan pengurusan zakat serta pembangunan mahasiswa. ³⁸
Tajaan Kemudahan Pembelajaran	Memfokuskan keperluan bantuan komputer daripada secara individu kepada institusi seperti membekalkan set komputer di perpustakaan di mana penggunaanya lebih umum kepada pelajar berbanding individu sahaja. ³⁹
Program Ziarah Ihsan Ramadan	Program ziarah ini memfokuskan asnaf pelajar fakir dan miskin dengan membuat tinjauan ke rumah mereka. Dengan ini, maklumat asnaf pelajar dapat dipastikan dan menentukan bantuan yang sesuai berdasarkan tinjauan sebenar di rumah pelajar. Asnaf pelajar juga diberikan bantuan wang tunai Ramadan dan bantuan barang keperluan harian. ⁴⁰
Program	Program ini mensasarkan asnaf pelajar yang memperolehi PNGK 3.5

³⁴ Informan A (Pegawai Zakat UKM), dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Disember 2019.

³⁵ "Bantuan Musibah Zakat UKM", laman rasmi Facebook Tabung Amanah Zakat UKM, 4 Disember 2019, <https://www.facebook.com/TabungAmanahZakatUKM/photos/2755561241174738>.

³⁶ Informan A (Pegawai Zakat UKM), dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Disember 2019.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Razali Othman, "Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Baharu di WAZAN, UPM," *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 113-122.

Program	Butiran
Melahirkan Asnaf Kelas Pertama	dan ke atas. Program ini dirangka secara khusus berdasarkan model <i>Neuro-Linguistic Programming</i> (NLP) dengan menggunakan pendekatan “coaching” diaplikasikan. Hal ini bagi mendorong dan saling memotivasi sesama pelajar untuk mendapat keputusan yang cemerlang. ⁴¹
Program Mobiliti Asnaf	Program ini bertujuan untuk bagi membantu asnaf pelajar mengikuti program pengajian mobiliti di luar negara. Menerusi program ini, pelajar dapat pendedahan secara terus berkaitan bidang pengajian mereka, serta mempraktikkan pengurusan terbaik oleh industri yang sama di luar negara. ⁴²
Program Persijilan Profesional Asnaf	Program ini disediakan bagi membantu asnaf pelajar untuk mengikuti kursus-kursus profesional. Contohnya, seramai 15 orang pelajar Fakulti Sains Teknologi dan Makanan (FSTM) telah menerima bantuan dana zakat untuk mengikuti program persijilan halal. ⁴³
Program Pemantapan Sahsiah Dan Kemimpinan Asnaf	Program ini dirangka dengan visi untuk membentuk akhlak yang baik dan melahirkan pelajar yang berketramilan sebagai pemimpin. Pelajar-pelajar terpilih dalam kalangan mereka yang memperolehi PNGK 3.00 ke atas akan dilatih dan dide dahkan dalam pelbagai aspek kemahiran hidup dan kemimpinan. ⁴⁴

Oleh itu, dengan bantuan zakat yang disalurkan oleh UKM dan UPM dilihat sedikit sebanyak dapat menampung ketidakcukupan kewangan tanpa perlu mencari pendapatan tambahan dengan cara lain seperti bekerja separuh masa. Pelajar perlu memohon kepada unit zakat IPT dengan melampirkan segala butiran yang diperlukan. Bantuan kewangan kepada asnaf pelajar yang bersumberkan dana zakat daripada IPT sebagai satu alternatif dalam mendepani isu ketidakcukupan kewangan pelajar sepanjang pengajian. Usaha yang lebih jitu wajar dilakukan agar tumpuan utama dalam penjagaan kebajikan pelajar terjaga.

Kesimpulan

Kajian ini mendedahkan bahawa dua IPT iaitu UKM dan UPM selaku penolong amil Lzs menunjukkan komitmen meraka atas melaksanakan tanggungjawab dalam penyaluran bantuan zakat kepada asnaf pelajar. Secara asasnya, jumlah pulangan sebanyak 43.75 peratus yang diterima hasil kutipan zakat diagihkan kepada lima kategori asnaf pelajar iaitu fakir, miskin, *fī sabīlillāh*, mualaf dan *ibn sabīl*. Bantuan zakat yang telah disalurkan melibatkan wang jutaan ringgit dalam usaha utama untuk menjaga kebajikan asnaf pelajar serta mengekalkan mereka untuk meneruskan pengajian sehingga graduasi. Hal ini kerana perbelanjaan pelajar pada masa kini amat tinggi di mana melibatkan perbelanjaan untuk yuran pengajian dan kos sara hidup seperti makanan, penginapan, pengangkutan, telekomunikasi, peralatan dan kelengkapan pengajian yang diperlukan dan lain-lain lagi. Pembiayaan pengajian menerusi zakat yang ditawarkan oleh penolong amil IPT dilihat amat sesuai pada masa kini dalam membantu mengurangkan bebanan kewangan yang dihadapi pelajar. Asnaf pelajar akan menerima bantuan

⁴¹ *Ibid*; Informan B (Pegawai Zakat UPM), dalam temu bual dengan pengkaji, 11 Februari 2020.

⁴² *Ibid*.

⁴³ *Ibid*.

⁴⁴ Razali Othman, “Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Baharu di WAZAN, UPM,” *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 113-122.

berdasarkan kepada kadar yang telah ditentukan mengikut kategori yang diluluskan oleh penolong amil IPT.

Seterusnya, cadangan pelaksanaan pada masa hadapan adalah dengan harapan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau institusi zakat dapat melantik keseluruhan IPT tempatan sedia ada sebagai penolong amil IPT. Langkah ini sebagai satu bentuk lokalisasi pengurusan zakat dalam skop yang lebih kecil dan tumpuan penuh dapat diberikan khususnya terhadap asnaf dalam kategori pelajar. Banyak manfaat yang boleh diambil hasil pelaksanaan kaedah ini seperti pelaksanaannya di Lzs. Antaranya kutipan zakat yang dikutip penolong amil IPT dapat ditingkatkan serta menggalakkan pembaharuan dalam bentuk-bentuk agihan zakat kepada pelajar. Sebagai tambahan, dasar transparensi wajar dipraktikkan dalam pengurusan zakat oleh penolong amil IPT dalam menyalurkan maklumat kutipan dan juga agihan zakat di peringkat IPT. Hal ini akan melibatkan kepercayaan pembayar zakat terhadap IPT dalam menguruskan zakat. Lebih-lebih lagi IPT merupakan satu institusi formal yang menggabungkan para cendekiawan dan tokoh-tokoh akademik di dalamnya, wajarlah unit zakat IPT berkembang dan beroperasi pada tahap terbaik dengan segala pembaharuan serta inovasi terbaik yang boleh dilakukan.

Rujukan

- "Introduction," laman sesawang Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf (PZWS), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), diakses pada 10 Mac 2021.
<https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/zakat-centre/introduction>.
- "Bantuan Insentif Kecemerlangan (Prasiscwazah) PNGK 3.67 ke atas," laman rasmi Facebook Tabung Amanah Zakat UKM, 5 Mac 2021,
<https://www.facebook.com/TabungAmanahZakatUKM/posts/4312321968831983>
- "Bantuan Khas Asnaf (Komputer Riba Kepada Pelajar Warga UKM)", laman rasmi Facebook Tabung Amanah Zakat UKM, 5 Mac 2021,
<https://www.facebook.com/TabungAmanahZakatUKM/photos/3951918378205679>
- "Bantuan Musibah Zakat UKM", laman rasmi Facebook Tabung Amanah Zakat UKM, 4 Disember 2019,
<https://www.facebook.com/TabungAmanahZakatUKM/photos/2755561241174738>.
- "Financial struggles at university," laman sesawang New Straits Times, diakses pada 7 Jun 2021,
<https://www.nst.com.my/education/2019/09/524435/financial-struggles-university>.
- "Kadar Bantuan Pelajaran Universiti (Yuran dan Sara Hidup)", laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dicapai pada 12 Jun 2020,
<http://www.ukm.my/zakat/agihan/kadar-bantuan>.
- "Laporan Lengkap Kutipan dan Agihan Zakat UKM," laman sesawang Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia, dicapai pada 14 November 2021,
http://www.ukm.my/zakat/Latest_News/laporan-lengkap-kutipan-dan-agihan-zakat-ukm-januari-2017-sehingga-september-2017.
- "Latar Belakang," laman sesawang Zakat Universiti Kebangsaan Malaysia, diakses pada 7 Jun 2021, <http://www.ukm.my/zakat/info/latar-belakang>.
- "When students work," laman sesawang New Straits Times, diakses pada 7 Jun 2021,
<https://www.nst.com.my/education/2018/10/419737/when-students-work>; "Nine out of 10 Malaysian students work while studying: HSBC survey," laman sesawang The Star,

- diakses pada 7 Jun 2020, <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2018/08/27/nine-out-of-10-malaysian-students-work-while-studying-hsbc-survey>.
- Alexander W. Astin, "Student Involvement: A Developmental Theory for Higher Education", *Journal of College Student Personnel* 25, no. 4 (1984), 297-308.
- Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman. "Hubungan antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf," dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman, Mohammad Taqiuddin Mohamad (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015), 6-14.
- Aza Shahnaz Azman et al., "Agihan Zakat Pendidikan: Tinjauan di Pahang," (makalah, World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015) Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9-10 Disember 2015), 199-206.
- Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar, "Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji*, (2011), 131-147.
- Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, "Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia," (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9, 2014).
- Azman Ab Rahman, "Peranan Baitulmal dalam Pendidikan Asnaf: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 11, no. 1 (2018), 45-58.
- Baharudin Sayin, Hanafi Hamdani dan Lufti Fauzi Sabari, "Kaedah Penentuan Pengagihan Zakat Dalam Memenuhi Keperluan Asnaf Pelajar: Satu Sorotan Pengalaman Universiti Teknologi MARA (UiTM)," (makalah, Kaedah Penentuan Pengagihan Zakat, Dewan Muktamar Masjid UiTM, Disember 2017).
- Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, "Pola Perbelanjaan dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi: Kajian di Kuala Terengganu, Terengganu," dalam *Pengurusan Zakat di Malaysia Isu dan Cabaran*, ed. Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 12-29.
- Informan A (Pegawai Zakat UKM), dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Disember 2019.
- Informan B (Pegawai Zakat UPM), dalam temu bual dengan pengkaji, 11 Februari 2020.
- John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 3th ed. (Washington DC: Sage Publication, 2016).
- Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Azman Abdul Rahman, "Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP)", *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 17, no. 2 (2019), 141-173.
- Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad, "Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 10, no. 1 (2017), 51-72.
- Muhammad Tajuddin Abdul Rahim dan Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, "Pengurusan Zakat Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman Unit Zakat Universiti Kebangsaan

- Malaysia”, dalam *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*, ed. Hairunnizam Wahid et al., (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 11-21.
- Muhsin Nor Paizin dan Suhaili Sarif, “Kemudahan Pembayaran Zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan dan Selangor,” *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 10 (2016), 66-76.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad et al., “Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions: Universiti Teknologi Malaysia Experience,” *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 8, no. 9 (2018), 138–149.
- Razali Othman, “Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Baharu di WAZAN, UPM,” *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 1, no. 2 (2019), 113-122.
- Rosliza@Rosli Mahmud et al., “Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia,” *Jurnal Muamalat* 7 (2014), 133-164.
- Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman dan Hairunnizam Wahid, “Pola Perbelanjaan dan Haadul Kifayah bagi Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* 18, no. 2 (2015), 33-44.
- Sharan B. Merriam, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (San Francisco: CA. Jossey-Bass, 1998).
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Mahadi Mohammad dan Daud Ismail, “Pensyaratkan Had Kifayah Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Pelajar di bawah Asnaf Fakir Miskin: Satu Penilaian,” dalam *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat*, ed. Razali Md Jani dan Muhsin Nor Paizin (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat, 2016), 263-273.